

KAJIAN SEPARUH PENGAL

PELAN STRATEGIK



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENCI PENGUATKUASAAN

BAGI TAHUN 2023 HINGGA 2027

INTEGRITI DIJULANG, NEGARA BERMARUAH



PELAN STRATEGIK 2023 — HINGGA — 2027

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
Aras 5, Blok Menara
Menara Usahawan
No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2
62652 Putrajaya

<https://www.eaic.gov.my>

T: +603-8880 5650 F: +603-8880 5646

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi.....	4
--------------------------	---

BAB 1

Pengenalan

	8
a) Ringkasan Eksekutif	9
b) Latar Belakang EAIC	10
c) Carta Organisasi	11
d) Visi dan Misi	12
e) Fungsi dan Peranan EAIC	13
f) 21 Agensi Penguatkuasaan	15

BAB 2

Kajian Separuh Penggal

	17
a) Pencapaian Pelaksanaan PS EAIC 2023 - 2027 (Kajian Separuh Penggal)	18
b) Proses Penilaian Semula	20
c) Bengkel Lonjakan Aspirasi	26

BAB 3

Mandat Strategik EAIC

	29
a) Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik	30
b) Penilaian S.W.O.T	32

BAB 4

Pelan Tindakan

	37
a) Teras Strategik 1	38
b) Teras Strategik 2	42
c) Teras Strategik 3	46
d) Teras Strategik 4	52

BAB 5

Way Forward

	57
a) Mekanisme Pelaksanaan	58
b) Pemantauan dan Pencapaian	58
c) Penilaian	59
d) Pelaporan Kemajuan Strategik	59

BAB 6

Penutup

	61
a) Penutup	62
b) Ahli Jawatankuasa	63

GLOSARI

BDPS	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BO	Bahagian Operasi
BUU	Bahagian Undang-Undang
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
JPS	Jawatankuasa Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027
PS	Pelan Strategik
SK	Seksyen Kewangan
SP	Seksyen Pentadbiran
SPSM	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
STM	Seksyen Teknologi Maklumat
UI	Unit Integriti
UKK	Unit Komunikasi Korporat
USPS	Urus Setia Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027

PERUTUSAN Pengerusi

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



TAN SRI DR. ISMAIL HJ. BAKAR

Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadirat Allah S.W.T. atas kejayaan pelaksanaan Kajian Separuh Penggal PS EAIC 2023 hingga 2027 yang telah berjaya dicapai oleh EAIC. Saya turut menyambut baik PS EAIC 2023 hingga 2027 yang telah dibangunkan dan dilaksanakan di bawah pentadbiran serta kepimpinan Pesuruhjaya penggal terdahulu, yang menjadi asas kukuh kepada kejayaan dan keberhasilan yang dikecapi pada hari ini.

Kajian Separuh Penggal ini merupakan langkah penting untuk menilai sejauh mana Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 telah membawa perubahan yang dihasratkan sejak pelaksanaannya. Melalui kajian ini, kita dapat melihat keberhasilan yang dicapai, cabaran yang dihadapi serta inisiatif baharu yang boleh dilaksanakan bagi memastikan EAIC terus berada pada landasan strategik yang tepat hingga tahun 2027.



Dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan, EAIC berjaya mencapai purata prestasi sebanyak 89.07% merangkumi empat teras utama, iaitu—

- i) memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan aduan dan siasatan yang berkesan;
- ii) memantapkan perundangan, dasar dan prosedur yang efektif;
- iii) mempertingkatkan kesedaran integriti ke arah pendidikan, pencegahan dan pembudayaan nilai integriti; dan
- iv) memperkukuh keupayaan dan tadbir urus EAIC bagi mencapai kecemerlangan secara holistik.

Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan strategi organisasi, kekuatan koordinasi dalaman, serta keupayaan EAIC menyesuaikan diri dengan pelbagai cabaran termasuk kekangan sumber dan pelaksanaan dasar baharu negara.

Saya dan Pesuruhjaya EAIC berharap agar pelaksanaan Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 dapat diteruskan dengan penuh komitmen oleh semua bahagian, selaras dengan hala tuju organisasi. Adalah menjadi harapan saya agar setiap strategi yang dirancang dapat dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan objektif organisasi dicapai menjelang tahun 2027.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga EAIC yang telah memberikan komitmen, usaha dan dedikasi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 ini.

PELAN
STRATEGIK
2023
— HINGGA —
2027

PENGENALAN

- a) Ringkasan Eksekutif
- b) Latar Belakang EAIC
- c) Carta Organisasi
- d) Visi dan Misi
- e) Fungsi dan Peranan EAIC
- f) 21 Agensi Penguatkuasaan

PENGENALAN

PS EAIC 2023 hingga 2027 menggariskan strategi dan program untuk mencapai visi, misi dan matlamat penubuhan EAIC bagi tahun 2023 hingga 2027 dengan mengambil kira pencapaian EAIC setengah dekad yang lalu, serta landskap semasa dan masa depan. Pelan ini juga memperincikan program EAIC selaras dengan mandatnya melalui peruntukan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] bagi mengurangkan dan mencegah salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan termasuklah meningkatkan keyakinan orang awam terhadap penyampaian perkhidmatan agensi penguatkuasaan seliaan yang cekap dan berkesan.



RINGKASAN EKSEKUTIF

PS EAIC 2023 hingga 2027 merupakan kesinambungan Pelan Strategik EAIC 2017 hingga 2022 yang ditambah baik bertunjangan fungsi EAIC di bawah Akta 700 dan keperluan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021 hingga 2025.

PS EAIC 2023 hingga 2027 menetapkan 4 Teras Strategik, 18 Strategi dan 43 Program yang memerlukan tindakan pelaksanaan oleh EAIC. PS EAIC 2023 hingga 2027 ini menjelaskan mekanisme pelaksanaan dan pengukuran prestasi program yang direncanakan sebagai



elemen penentu kejayaan yang dihasratkan oleh Pengurusan Tertinggi EAIC.

Pelan strategik ini juga merupakan dokumen rasmi organisasi yang dirangka sebagai garis panduan buat seluruh warga kerja EAIC dalam memastikan visi, misi dan matlamat penubuhan EAIC dapat dicapai melalui pendekatan nilai-nilai bersama dengan warga kerja EAIC seperti nilai profesionalisme, amalan terbaik, kerja berpasukan, pemantapan integriti serta nilai pendidikan dan pencegahan.



LATAR BELAKANG EAIC

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] yang diwartakan pada 3 September 2009 dan mula berkuat kuasa pada 1 April 2011.

Penubuhan EAIC selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan demi memperkukuh keyakinan orang ramai terhadap mereka. Usaha ini didukung oleh lapan fungsi EAIC yang digariskan di bawah subseksyen 4(1) Akta 700.

EAIC merupakan sebuah badan bebas yang dikehendaki mengemukakan laporan tahunan mengenai semua aktivitinya kepada Parlimen sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 47 Akta 700. Seksyen 46 Akta 700 pula menghendaki Kerajaan supaya memperuntukkan dana yang mencukupi bagi membolehkan EAIC menunaikan fungsinya secara berkesan seperti yang dihasratkan Akta 700 tersebut.


EAIC telah beroperasi selama lebih sedekad, iaitu 14 tahun sejak penubuhannya. Sepanjang tempoh tersebut, fungsi dan mandat EAIC diperkukuh melalui kepimpinan tujuh orang Pesuruhjaya EAIC yang dilantik oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh lantikan selama tiga tahun setiap seorang.

Pelaksanaan tugas EAIC turut disokong oleh pegawai dan kakitangan lantikan EAIC yang menjalankan tanggungjawab pentadbiran, penyiasatan dan operasi harian. Selain itu, EAIC juga menerima khidmat kepakaran daripada beberapa pegawai kanan yang dipinjamkan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengukuhkan keupayaan fungsi teras EAIC.

Terdapat 78 perjawatan yang telah diisi sepenuhnya bagi menganggotai 5 Bahagian/Unit yang terdapat di EAIC dan sebahagian besar perjawatan tersebut ditempatkan di Bahagian Operasi yang merupakan perkhidmatan teras EAIC.

CARTA ORGANISASI EAIC



VISI MISI



VISI

Peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.



MISI

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia melalui pengendalian aduan dan siasatan secara telus, berani serta profesional.

FUNGSI & PERANAN EAIC

Fungsi EAIC yang diperuntukkan di bawah **subseksyen 4(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]** adalah seperti berikut:

- a) menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;
- b) merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;
- c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;
- d) mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- e) menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- f) membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa;
- g) mengkaji dan menentukan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubung dengannya; dan
- h) membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.

PUNCA KUASA

Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]

DASAR

1. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) 2021-2025
2. Kajian Separuh Penggal RMK12
3. Malaysia MADANI
4. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
5. Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional / The National Anti-Corruption Strategy (NACS)
6. Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026-2030



21 AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN

Selaras dengan Jadual subseksyen 1 (4) Akta 700, agensi penguatkuasaan seliaan EAIC adalah seperti berikut:

- | | | | |
|---|--|---|---|
|  | 1. Agensi Antidadah Kebangsaan |  | 13. Jabatan Tenaga Kerja |
|  | 2. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia |  | 14. Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan) |
|  | 3. Jabatan Alam Sekitar |  | 15. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Bahagian Pelesenan Pelancongan) |
|  | 4. Jabatan Imigresen Malaysia |  | |
|  | 5. Jabatan Kastam Diraja Malaysia |  | 16. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan) |
|  | 6. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |  | 17. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Bahagian Penguatkuasaan) |
|  | 7. Jabatan Pendaftaran Negara | | |
|  | 8. Jabatan Pengangkutan Jalan |  | 18. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Sabah) |
|  | 9. Jabatan Perhubungan Perusahaan |  | 19. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Sarawak) |
|  | 10. Jabatan Perikanan |  | 20. Pendaftar Perniagaan |
|  | 11. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara |  | 21. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia |
|  | 12. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) | | |



PELAN STRATEGIK 2023 — HINGGA — 2027

BAB 2

KAJIAN SEPARUH PENGGGAL

- a) Pencapaian Pelaksanaan PS EAIC 2023 – 2027 (Kajian Separuh Penggal)
- b) Proses Penilaian Semula
- c) Bengkel Lonjakan Aspirasi



PENCAPAIAN PELAKSANAAN PS EAIC 2023 – 2027 (KAJIAN SEPARUH PENGGAL)

Kajian Separuh Penggal PS EAIC 2023 hingga 2027 dilaksanakan sebagai satu proses penilaian menyeluruh terhadap kemajuan pelaksanaan strategi, inisiatif dan sasaran utama EAIC sejak pelan ini mula digerakkan pada tahun 2023. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pelaksanaan, mengenal pasti cabaran yang dihadapi serta mencadangkan langkah penambahbaikan bagi memastikan hala tuju strategik EAIC kekal relevan, dinamik dan berimpak tinggi sehingga tahun 2027.

Sepanjang tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan (2023 hingga Februari 2025), EAIC telah mencatatkan prestasi yang amat memberangsangkan dengan purata pencapaian keseluruhan sebanyak 89.07%, berdasarkan formula penilaian yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang sebelum ini diuruskan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Pencapaian ini membuktikan keberkesanan pelaksanaan strategi dan kecekapan penyelarasan antara bahagian dalam memastikan aspirasi organisasi diterjemahkan dengan berkesan, walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan sumber serta keperluan penyelarasan dasar baharu seperti cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia.

PS EAIC 2023 – 2027 mengandungi 4 Teras Strategik, 17 Strategi dan 41 program yang dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Sehingga Februari 2025, tahap pencapaian pelaksanaan PS EAIC 2023–2027 berdasarkan Teras Strategik adalah seperti yang diperincikan dalam Rajah 1.

PENCAPAIAN SEPARUH PENGAL PELAN STRATEGIK EAIC 2023 HINGGA 2027 (PENCAPAIAN DARI TAHUN 2023 HINGGA FEBRUARI 2025)

TERAS	STRATEGI/ PROGRAM	PERATUSAN PENCAPAIAN SEPARUH PENGAL
<u>Teras Strategik 1</u> Memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan aduan dan siasatan yang berkesan	▶ 4 Strategi ▶ 10 Program	90%
<u>Teras Strategik 2</u> Memantapkan perundangan, dasar dan prosedur yang efektif	▶ 5 Strategi ▶ 8 Program	85.71%
<u>Teras Strategik 3</u> Mempertingkatkan kesedaran integriti ke arah Pendidikan, pencegahan dan pembudayaan nilai integriti	▶ 4 Strategi ▶ 13 Program	91.67%
<u>Teras Strategik 4</u> Memperkukuhkan keupayaan dan tadbir urus EAIC bagi mencapai kecemerlangan secara holistik	▶ 4 Strategi ▶ 10 Program	88.89%
JUMLAH KESELURUHAN PENCAPAIAN		89.07%

Rajah 1: Pencapaian Pelaksanaan PS EAIC 2023 – 2027 sehingga Februari 2025

PROSES PENILAIAN SEMULA

Kajian Separuh Penggal ini dilaksanakan dalam konteks landskap pentadbiran dan penguatkuasaan yang berkembang pesat serta perubahan dasar baharu di bawah Kerajaan MADANI. Sehubungan itu, semakan semula ini adalah selaras dengan Nilai Teras Kemampanan MADANI yang menekankan pengurusan perubahan ke arah kemampanan. Nilai ini menuntut agar sesuatu dasar, proses kerja dan pendekatan pelaksanaan dirancang atau direncana semula mengikut keperluan semasa. Melalui pendekatan tersebut, semakan terhadap strategi, program dan sasaran utama menjadi amat penting bagi memastikan keberhasilan jangka panjang.

Proses penilaian semula ini berfungsi sebagai titik penentu strategik (strategic inflection point) untuk menilai semula keberkesanan strategi sedia ada, mengenal pasti ruang penambahbaikan serta menggariskan keutamaan baharu yang sejajar dengan perubahan persekitaran semasa. Kajian ini turut memberi fokus kepada pengukuhan keupayaan organisasi, keberhasilan program serta keselarasan fungsi EAIC dalam konteks tadbir urus negara yang lebih telus dan berakauntabiliti.









PERTIMBANGAN STRATEGIK

Dalam melaksanakan proses semakan ini, EAIC mengambil kira pelbagai faktor yang mempengaruhi hala tuju strategik organisasi, termasuk:

- (a) **Perubahan geopolitik dan ekonomi global** yang memberi kesan langsung terhadap operasi serta keutamaan dasar penguatkuasaan;
- (b) **Inisiatif nasional utama** seperti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dan Kerangka Ekonomi MADANI;
- (c) **Dasar baharu kerajaan** yang menekankan prinsip integriti, ketelusan dan keberkesanan perkhidmatan awam; serta
- (d) **Keperluan memperkukuh sinergi** antara agensi penguatkuasaan melalui pendekatan kolaboratif dan saling melengkapi.

Penilaian semula ini turut membuka ruang kepada EAIC untuk menambah baik beberapa komponen teras dalam pelan strategik, termasuk penyemakan semula visi, misi, nilai teras, objektif strategik dan penunjuk prestasi utama (KPI) agar kekal sejajar dengan keutamaan nasional dan kehendak pemegang taruh.



Selain itu, kebanyakan pindaan yang dibuat tertumpu kepada peningkatan bilangan indikator prestasi, selaras dengan pencapaian cemerlang EAIC dalam tempoh pelaksanaan terdahulu di mana sebahagian besar indikator asal telah mencapai atau melepasi sasaran yang ditetapkan. Langkah ini bertujuan memastikan ukuran prestasi EAIC terus mencerminkan aspirasi baharu organisasi serta tahap kematangan pelaksanaan strateginya.

Di samping itu, EAIC turut menggembelng peranan Unit Audit Dalam secara lebih strategik, khususnya berkaitan Pematuhan Piawaian Pengauditan. Justeru, fungsi unit tersebut telah diterapkan sebagai Strategi 5 di bawah Teras Strategik 4, selaras dengan keperluan memperkukuh pemantauan, jaminan kualiti dan tadbir urus dalaman EAIC secara berterusan.



SINERGI BENGKEL LONJAKAN ASPIRASI DAN PENJENAMAAN SEMULA EAIC

Kajian Separuh Penggal ini turut disokong oleh hasil perbincangan daripada Bengkel Lonjakan Aspirasi dan Penjenamaan Semula EAIC yang berperanan penting dalam memperkukuh arah tuju EAIC. Bengkel ini memberi tumpuan kepada dua agenda utama:

- (a) Mengenal pasti cabaran pelaksanaan serta strategi bagi memastikan pengesyoran hukuman EAIC dilaksanakan secara efektif oleh agensi penguatkuasaan; dan
- (b) Menilai semula persepsi awam terhadap peranan EAIC serta membangunkan strategi penjenamaan semula untuk meningkatkan tahap pengenalan, kredibiliti dan impak komunikasi organisasi.

Antara perkara utama yang diketengahkan melalui bengkel tersebut ialah:

Pemeriksaan fungsi dan bidang kuasa EAIC, khususnya dalam memperkukuh mekanisme penyiasatan dan pemantauan;

Penguatan struktur perjawatan dan kapasiti sumber manusia, bagi memastikan fungsi EAIC dapat dilaksanakan secara optimum dan berimpak tinggi; serta

Penjenamaan semula logo EAIC sebagai sebahagian daripada inisiatif penyegaran semula (freshening) imej korporat agar lebih dinamik, moden dan mudah dikenali oleh masyarakat umum.

Hasil daripada bengkel ini telah dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses semakan bagi memastikan setiap pembaharuan strategik yang diperkenalkan bukan sahaja bersifat kosmetik, tetapi turut menyentuh aspek substantif yang melibatkan mandat, struktur, operasi dan reputasi EAIC sebagai badan bebas yang menjadi teras kepada agenda integriti penguatkuasaan negara.



PELAN
STRATEGIK
2023
— HINGGA —
2027

3

BAB

MANDAT STRATEGIK EAIC

- a) Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik
- b) Penilaian S.W.O.T

PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

PIHAK BERKEPENTINGAN

1. Parlimen
2. Jemaah Menteri
3. Jabatan Perdana Menteri (JPM)
4. Kementerian Kewangan (MOF)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
7. Jabatan Audit Negara (JAN)
8. Unit Integriti 21 Agensi Penguatkuasaan Seliaan

PELANGGAN

1. Orang Awam
2. Penjawat Awam
3. Pegawai Penguat kuasa 21 Agensi Penguatkuasaan Seliaan
4. Kesatuan Sekerja 21 Agensi Penguatkuasaan Seliaan
5. Firma Guaman

RAKAN STRATEGIK

- | | | |
|---|--|---|
| 1. 21 Agensi Penguatkuasaan Seliaan | 8. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) | 14. Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti berikut: |
| 2. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | 9. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) | <ul style="list-style-type: none"> • Amnesty International Malaysia • Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) • Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) • Lawyers for Liberty (LFL) • Eliminating Deaths and Abuse in Custody Together (EDICT) |
| 3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 10. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) | 15. Majlis Peguam Malaysia |
| 4. Institut Integriti Malaysia (IIM) | 11. Polis Diraja Malaysia (PDRM) | 16. Media |
| 5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) | 12. Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) | |
| 6. Biro Pengaduan Awam (BPA) | 13. Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) | |
| 7. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) | | |



PENILAIAN S.W.O.T

STRENGTHS (KEKUATAN)

- I. Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] adalah punca kuasa bagi menjalankan fungsi dan peranan EAIC.
- II. EAIC bertindak sebagai one-stop centre bagi menyelaras isu integriti 21 agensi penguatkuasaan seliaan.
- III. EAIC menjalankan hubungan kerjasama yang baik bersama dengan 21 agensi penguatkuasaan seliaan.
- IV. EAIC mempunyai kuasa dan keupayaan untuk menjalankan siasatan bebas serta menyemak Standard Operating Procedure (SOP) agensi penguatkuasaan.
- V. EAIC mengetuai Focus Group (FG) Penguatkuasaan yang berperanan meningkatkan skor dan kedudukan Malaysia ke dalam kelompok 25 negara terbaik dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang tahun 2033.
- VI. EAIC merumuskan perundangan atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada kerajaan atau agensi penguatkuasaan seliaan.
- VII. EAIC memenuhi hasrat kerajaan untuk memantapkan dan memperkasakan integriti agensi penguatkuasaan seliaan.



WEAKNESSES (KELEMAHAN)

- I. EAIC hanya boleh membuat pengesyoran yang tidak mengikat agensi penguatkuasaan seliaan.
- II. Persepsi negatif dalam kalangan orang awam yang berpunca daripada kurangnya pemahaman mengenai skop bidang kuasa dan had kuasa EAIC.
- III. EAIC tidak mempunyai cawangan di zon wilayah.
- IV. Kebergantungan kepada kerjasama agensi seliaan semasa menjalankan siasatan tatatertib boleh menjejaskan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan fungsi EAIC.
- V. Setiap Bahagian/Unit di EAIC perlu mempunyai garis panduan khusus mengenai proses kerja.
- VI. EAIC perlu mengadakan pendedahan yang lebih bersasar mengenai fungsi dan peranan kepada orang awam, ahli politik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan 21 agensi penguatkuasaan seliaan.
- VII. EAIC perlu mengemaskini SOP agensi penguatkuasaan seliaan untuk memastikan SOP tersebut komprehensif dan relevan.



O

OPPORTUNITIES (PELUANG)

- I. EAIC merupakan sebuah badan bebas yang ditubuhkan melalui Akta 700.
- II. EAIC dapat meningkatkan keyakinan orang awam terhadap 21 agensi penguatkuasaan seliaan.
- III. EAIC mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara 21 agensi penguatkuasaan seliaan.
- IV. Dapatan pengauditan EAIC menjadi penanda aras penambahbaikan berterusan 21 agensi penguatkuasaan seliaan.
- V. EAIC bertindak sebagai medium penambahbaikan dasar dan polisi Kerajaan berhubung dengan integriti.
- VI. Hubungan antarabangsa yang merangkumi pertukaran ilmu, benchmarking, latihan dan kerjasama strategik dapat memperkukuh keupayaan institusi, memperluas rangkaian profesional serta meningkatkan amalan terbaik dalam pengawasan dan integriti.

T

THREATS (ANCAMAN)

- I. Ketidakstabilan tadbir urus Kerajaan.
- II. Risiko ketidakpatuhan atau keengganan agensi tertentu untuk memberi kerjasama penuh dalam penyediaan maklumat atau pelaksanaan syor.
- III. Ketidakpuasan hati stakeholders terhadap keputusan aduan dan siasatan oleh EAIC.
- IV. Risiko dan ancaman keselamatan Pegawai Siasatan EAIC dalam menjalankan tugas di lapangan.
- V. Pertindihan fungsi penyiasatan aduan salah laku antara agensi Kerajaan.
- VI. Kerenah birokrasi agensi kerajaan.



CABARAN

SUMBER KEWANGAN

Keperluan kepada peningkatan peruntukan tahunan serta geran pembangunan teknologi maklumat (ICT) bagi menyokong pelaksanaan program integriti, penambahbaikan sistem dan pembangunan teknologi baharu.

SUMBER MANUSIA

Keperluan melaksanakan latihan intensif dalam bidang integriti, ICT, analisis data dan kemahiran penyiasatan bagi memastikan pegawai mempunyai kepakaran yang selaras dengan tuntutan semasa.

INFRASTRUKTUR

Keperluan menaik taraf sistem SPAPS dan memperkukuh digital workspace EAIC bagi meningkatkan kecekapan kerja, kefungsi sistem serta penyampaian perkhidmatan.



PELAN STRATEGIK 2023 — HINGGA — 2027

BAB 4

PELAN TINDAKAN

- a) Teras Strategik 1
- b) Teras Strategik 2
- c) Teras Strategik 3
- d) Teras Strategik 4

TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DALAM PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN YANG BERKESAN

STRATEGI 1: Pemantapan dan Pengukuhan Pengurusan Aduan dan Siasatan Bahagian Operasi

1	Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
	Semakan prosedur operasi standard (SOP)/ garis panduan Bahagian Operasi (a) pengurusan aduan; dan (b) pengendalian siasatan. >> melaksanakan semakan SOP garis panduan Bahagian Operasi bagi memastikan tatacara pengendalian aduan dan siasatan EAIC sejajar dengan perkembangan dan perubahan semasa.	Bilangan semakan SOP	1 kali setahun	2023 – 2027	BO BUU

STRATEGI 2: Melaksanakan Tindakan Penyeliaan yang Lebih Bersifat Pendidikan dan Pencegahan Berkaitan Aduan atau Apa-apa Isu yang Melibatkan Salah Laku dalam Kalangan Agensi Penguatkuasaan Seliaan

1	Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
	Lawatan atau pemeriksaan mengejut terhadap agensi penguatkuasaan seliaan >> mengadakan lawatan atau pemeriksaan mengejut ke agensi penguatkuasaan seliaan berdasarkan kepada isu salah laku yang kerap diadukan atau disiasat oleh Pegawai Siasatan EAIC.	Bilangan program	10 program setahun	2023 – 2027	BO

2

Program

Round Table Discussion (RTD) bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan

>> mengadakan perbincangan bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan mengenai trend salah laku yang kerap diadukan berdasarkan data yang dikumpul dan dikaji serta hasil lawatan dan pemeriksaan mengejut yang dijalankan.

>> perbincangan ini diadakan bagi mengenal pasti permasalahan/kekangan yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan seliaan dalam menangani isu yang masih berterusan.

Indikator Sasaran

Bilangan program

Sasaran
(Bilangan/Peratusan)

6 program setahun

Tahun/ Tempoh
Sasaran

2023 – 2027

Bahagian
Bertanggungjawab

BO

3

Program

Kajian terhadap agensi penguatkuasaan seliaan

>> menjalankan kajian berkaitan dengan isu atau salah laku yang sering diadukan kepada EAIC bagi tujuan mengenal pasti langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan yang boleh dicadangkan.

>> kajian ini diadakan bagi mengenal pasti permasalahan/kekangan yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan seliaan dalam menangani isu yang masih berterusan.

Indikator Sasaran

Bilangan kajian

Sasaran
(Bilangan/Peratusan)

1 kajian setahun

Tahun/ Tempoh
Sasaran

2023 – 2027

Bahagian
Bertanggungjawab

BO
BDPS

4	Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
	Perkongsian maklumat bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan » menjalankan program/sesi perkongsian maklumat bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan bagi memastikan aduan mengenai perkara yang sama dapat ditangani dan tidak berbangkit di masa hadapan.	Bilangan agensi	21 agensi penguatkuasaan seliaan (sepanjang 5 tahun)	2023 – 2027	BO

STRATEGI 3: Meningkatkan Kompetensi Pegawai dan Kakitangan EAIC

1	Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
	Latihan, <i>attachment</i> dan kursus profesional kepada pegawai dan kakitangan EAIC » memastikan pegawai dan kakitangan EAIC menghadiri latihan, <i>attachment</i> dan kursus profesional dengan agensi luar.	Bilangan pegawai dan kakitangan EAIC	78 pegawai dan kakitangan (sepanjang 5 tahun)	2023 – 2027	BO BKP

2	Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
